



## LTAT, BHB DAN KLK TANDATANGAN PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK

**KUALA LUMPUR, 24 OGOS 2023** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”), Boustead Holdings Berhad (“BHB”), dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (“KLK”) mengumumkan **pemeteraian Perjanjian Kerjasama Strategik** berhubung dengan Boustead Plantations Berhad (“BPlant”). Perjanjian ini adalah kerangka asas bagi kerjasama yang lebih ampuh untuk menambah nilai kepada LTAT, BHB, KLK dan BPlant.

Di bawah perjanjian ini, LTAT, BHB dan KLK (“Pembuat Tawaran Bersama”) akan melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori (“Tawaran”) secara bersama untuk memperolehi kesemua baki saham BPlant yang belum dimiliki oleh Pembuat Tawaran Bersama pada harga tawaran tunai RM1.55 sesaham.

Tawaran tersebut tercetus ekoran daripada pengambilalihan sejumlah 739,199,966 saham biasa dalam BPlant yang mewakili 33% dan 1 saham daripada jumlah saham terbitan BPlant oleh KLK daripada BHB, pada nilai keseluruhan sebanyak RM1.15 bilion atau RM1.55 sesaham (“Cadangan Pengambilalihan”). **Harga tawaran ini menjadikan BPlant bernilai sebanyak RM3.47 Bilion.**

Pada masa ini, BHB memegang 57.42% kepentingan di dalam BPlant manakala LTAT memiliki 10.59% kepentingan di dalam syarikat perladangan tersebut.

Objektif kerjasama strategik dengan KLK, pemain terkemuka dalam industri minyak sawit, adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi jangka panjang dan hasil minyak sawit mentah ladang Bplant untuk manfaat bersama kesemua pihak. Kerjasama ini juga dijangka akan menyumbang secara positif kepada kedudukan kewangan Bplant dalam jangka masa panjang.

Sebagai sebahagian daripada usaha penambahan nilai di bawah perjanjian ini, BHB dan LTAT akan diberikan keutamaan (first right of refusal) dalam urusan niaga ke atas dua ladang, iaitu ladang Balau dan Bukit Mertajam (Divisyen Mayfield), dengan jumlah keluasan kira-kira 1,800 ekar, bagi tujuan pembangunan semula tanah itu. Hak keutamaan ini akan memberi nilai tambahan yang signifikan kepada BHB.

## UNTUK EDARAN SEGERA

Ketua Eksekutif LTAT Dato' Nazim Rahman berkata, "Kerjasama strategik ini adalah sebahagian daripada strategi Penyusunan & Penyeneraian semula Boustead Holdings Berhad, yang akan menghasilkan peningkatan nilai yang ketara kepada Kumpulan LTAT. LTAT komited dalam usaha merealisasikan Pelan Strategik 2023-2025 MAMPAN25 bagi mengimbangi semula portfolio pelaburan dengan misi yang jelas untuk meningkatkan kesejahteraan socio-ekonomi para pencarum kami. Kami percaya bahawa kerjasama strategik ini akan membuka kunci nilai yang lebih besar kepada semua pihak berkepentingan dalam rantai nilai perniagaan kami. Kami yakin ini akan meletakkan BHB dan LTAT pada landasan yang kukuh ke arah masa depan yang lebih mampan."

Ketua Pegawai Eksekutif KLK Tan Sri Dato' Seri Lee Oi Hian berkata, "Kerjasama Strategik ini bukan sahaja akan mengukuhkan kerjasama sedia ada antara KLK dan BHB, malah ia memberikan rangsangan besar kepada strategi pertumbuhan jangka panjang aktiviti perladangan Kumpulan KLK. Kami amat berbesar hati kerana dipertanggungjawabkan sebagai rakan kongsi untuk bekerjasama dan melaksanakan penambahbaikan kepada ladang Bplant, dalam sinergi dengan ladang kami sendiri. Kami optimis ini akan memberikan manfaat yang positif kepada industri minyak sawit Malaysia secara keseluruhannya."

Kerjasama tersebut akan mengukuhkan perkongsian sedia ada di antara entiti terkemuka ini dan dijangka menyumbang secara positif kepada industri minyak sawit Malaysia.

## UNTUK EDARAN SEGERA

### PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah dan Ketua Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera

Email : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)  
Tel : +60192180792

### PERHUBUNGAN MEDIA:

Rosalynn Poh

Ketua, Komunikasi Korporat  
KLK Berhad

Email : [rosalynn.poh@klk.com.my](mailto:rosalynn.poh@klk.com.my)  
Tel : +6016 284 7761

### Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.6 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Julai 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

### Mengenai Boustead Holdings Berhad

Boustead Holdings Berhad ("Boustead") adalah salah sebuah konglomerat tertua di Malaysia dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") sebagai pemegang saham utamanya. Kumpulan Boustead merangkumi lebih daripada 90 anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama dan mempunyai kepentingan yang besar dalam pelbagai sektor ekonomi Malaysia.

Operasinya tertumpu dalam lima bidang utama iaitu perladangan, industri berat, hartanah & perindustrian, perdagangan, kewangan & pelaburan, dan farmaseutikal.

Sejak penubuhannya sebagai entiti perdagangan lebih daripada 190 tahun yang lalu, Kumpulan Boustead telah berkembang dengan pesat. Setakat 31 Mac 2023, modal berbayar Boustead Holdings Berhad adalah sebanyak RM2.7 bilion manakala dana pemegang sahamnya adalah berjumlah RM3.2 bilion. Permodalan pasaran pula berada dalam lingkungan RM1.7 bilion. Untuk maklumat lanjut tentang Boustead, layari [www.boustead.com.my](http://www.boustead.com.my).

### Mengenai Kuala Lumpur Kepong Berhad

Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) bermula sebagai syarikat perladangan lebih 100 tahun lalu dan hari ini, pembangunan kelapa sawit kekal sebagai perniagaan teras Kumpulan KLK. Sehingga September 2022, KLK mempunyai kira-kira 300,000 hektar kawasan tanaman. *Land Bank* kami tersebar di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, serta Kalimantan Tengah dan Timur) dan Liberia.

Sejak 1990, KLK telah mempelbagaikan aktiviti kepada pembuatan berasaskan sumber (oleokimia, derivatif dan kimia khusus) dan menyepadukan perniagaan hulu dan hilirannya. Sejak itu, Kumpulan KLK telah mengembangkan operasi pembuatannya menghasilkan operasi oleokimia berskala antarabangsa di China, Switzerland, Jerman, Belanda, Belgium dan Itali.

Kumpulan KLK mula memanfaatkan lokasi strategik *land bank* mereka di Semenanjung Malaysia dengan meneroka potensi di dalam pembangunan hartanah pada tahun 1990. Penerokaan pertama kami dalam pembangunan hartanah ialah Sierramas di Sungai Buloh, sebuah usaha sama dengan Tan & Tan Development Bhd. Ia kini tertumpu pada Bandar Seri Coalfields, perbandaran seluas 1,001 ekar di Sungai Buloh, dan Caledonia di Ijok.